

**RELIGION AND PLURALISTIC CO-EXISTENCE: THE MUHIBAH PERSPECTIVE.** Oleh: Kamar Oniah Kamaruzaman. Kuala Lumpur: IUM Press. 2010. Halaman 307. ISBN 978-967-5272-57-8

Penulisan buku *Religion and Pluralistic Co-Existence: The Muhibah Perspective* oleh Dr. Kamar Oniah Kamaruzaman ini bertitik tolak daripada kebimbangan beliau terhadap ancaman keharmonian terhadap masyarakat berbilang agama. Buku ini merupakan hasil kompilasi kertas kerja penulis yang dibentangkan di seminar-seminar namun telah diubahsuai mengikut tema buku yang fokus kepada isu-isu kewujudan bersama dalam masyarakat berbilang agama melalui pendekatan muhibah. Perkataan muhibah merupakan satu terma yang digunapakai untuk menggantikan perkataan toleransi. Menurut penulis, toleransi mempunyai konotasi yang negatif yang berkaitan dengan keangkuhan iaitu toleransi yang dilakukan atas dasar keterpaksaan. Adapun muhibah menunjukkan roh yang lebih bersifat positif iaitu nilai kebersamaan, perhubungan antara manusia yang sudah semestinya dituntut dalam setiap agama. Muhibah yang dibincangkan dalam buku ini lebih bersifat falsafah kemasyarakatan dan bukan merujuk kepada perasaan peribadi. Pendekatan muhibah ini dianggap sebagai legasi dan roh bangsa yang menggembeling masyarakat menjadi satu bangsa yang makmur.

Buku ini terbahagi kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama merangkumi bab satu hingga bab lima membincangkan tentang perbahasan agama yang dibahaskan dalam bentuk yang komprehensif, daripada aspek kepercayaan mahupun social, dan juga bagaimana masyarakat berbilang agama dapat bersatu atas nama agama menerusi nilai-nilai agama yang menjadi dasar kepada pembangunan bangsa. Bahagian kedua pula yang merangkumi bab enam hingga sepuluh membahaskan tentang inisiatif dialog dan hubungan antara agama serta elemen, dan sikap serta kefahaman yang perlu ada ketika menjalankan dialog berkenaan dengan inisiatif antara agama. Bahagian ketiga pula terangkum di dalam bab sebelas hingga lima belas iaitu tanggungjawab sosial yang dianggap sebagai tanggungjawab individu dengan kembali kepada agama dalam melestarikan keharmonian dan keamanan sejagat.

Sebagai permulaan, penulis membentangkan konsep asas muhibah dan mencadangkan lima prinsip muhibah yang boleh dipraktikkan oleh masyarakat berbilang agama dalam melestarikan keharmonian. Lima prinsip ini merupakan usaha kepada pemerkasaan Lima Rukun Negara.

Prinsip pertama; Tiada campur tangan dan pencerobohan terhadap agama lain. Prinsip ini menunjukkan bagaimana setiap agama mempunyai pemikiran eksklusif yang tersendiri. Oleh itu, setiap penganut agama dianggap sebagai beragama mengikut kepada agama mereka masing-masing. Sikap suka campur tangan berkenaan agama lain hanya akan menimbulkan kesan negatif dan menyebabkan tindakan provokatif yang berleluasa antara penganut agama.

Prinsip kedua; Rasa hormat dan kesopanan. Prinsip ini menekankan konsep menerima masyarakat lain dan memberi ruang sebagaimana yang diperlukan oleh setiap penganut agama. Ini bermaksud menerima perbezaan antara satu agama dengan agama yang lain. Setiap manusia mempunyai keinginan dan kehendak yang berbeza. Prinsip ini juga selaras dengan prinsip asas semua agama dan sejajar dengan perlembagaan iaitu memberi kebebasan kepada individu untuk mengamalkan agama masing-masing. Isu-isu sensitif dalam setiap agama bukan sahaja perlu dimaklumi bahkan dihormati.

Prinsip ketiga; Rasa simpati dan empati. Prinsip ini memberi keutamaan kepada menghulurkan bantuan dalam kesusahan kepada mana-mana individu tanpa mengira agama. Meraikan persamaan yang ada dengan menyantuni orang lain sepertimana setiap individu ingin disantuni dan meraikan perbezaan dengan menyantuni orang lain sepertimana individu tersebut inginkan.

Prinsip keempat; Kerjasama komuniti. Masyarakat berbilang agama harus bekerjasama dalam memajukan negara. Dengan penggabungan tenaga daripada masyarakat berbeza agama, ianya secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi hubungan antara penganut agama dan menimbulkan rasa cinta terhadap negara.

Prinsip kelima; Kesatuan dalam kepelbagaian. Prinsip ini menggambarkan kehidupan masyarakat majmuk walaupun terdiri daripada latarbelakang yang berbeza tetap menunjukkan kesatuan.

Prinsip-prinsip muhibah ini dianggap sebagai pasak kepada kelestarian kewujudan keharmonian dalam masyarakat plural di Malaysia.

Bab kedua menyorot berkenaan agama dan kepelbagaian dalam kehidupan bersama daripada dimensi kepercayaan. Konsep agama menurut setiap agama adalah berbeza kerana setiap agama mempunyai ciri-ciri tersendiri. Oleh kerana persepsi penganut agama berbeza terhadap agama masing-masing, maka sudah semestinya kenyataan yang menyebutkan bahawa agama berbeza membawa kepada satu hakikat yang sama tidak dapat diterima. Kenyataan tersebut mungkin kelihatan indah kerana menyelesaikan masalah perbezaan antara agama. Namun realitinya menafikan hak kebebasan penganut agama untuk mengamalkan agama yang dianutnya. Penulis menghuraikan secara tuntas beberapa aspek penting dalam agama iaitu aspek ketuhanan, kerasulan, eskatalogi, nilai etika dan ritual. Jika ditelusuri, terdapat persamaan antara agama-agama yang wujud iaitu pada tahap etika keagamaan. Setiap agama mengajar penganutnya untuk memupuk nilai-nilai murni yang boleh dianggap sebagai nilai universal.

Menerusi nilai-nilai universal, masyarakat berbilang agama dapat disatukan kerana setiap individu berkongsi nilai-nilai yang baik dan menolak segala perbuatan yang jahat. Oleh kerana ini juga, sesebuah pemerintahan mampu untuk menetapkan satu undang-undang yang sama bagi setiap individu walaupun rakyatnya terdiri daripada kaum dan agama yang berbeza kerana masing-masing berpegang kepada nilai yang sama. Adapun daripada aspek kepercayaan dan pengamalan, setiap agama adalah unik dan berbeza daripada lainnya. Pada tahap inilah agama dianggap tidak lagi boleh dianggap sebagai inklusif akan tetapi agama lebih bersifat eksklusif. Kehidupan bersama dalam masyarakat plural semestinya mempunyai cabaran-cabarannya tersendiri. Namun sekiranya dapat diatasi segala perbezaan dan berpegang kepada persamaan yang wujud, kemajmukan itu pasti akan melahirkan manfaat yang besar kepada perkembangan dan kemajuan masyarakat dan negara. Seolah-olah seperti pelangi yang warnanya berbeza namun dapat bersatu membentuk lantunan warna warni yang indah kepada setiap mata yang memandangnya.

Bab ketiga merupakan kesinambungan daripada bab sebelumnya. Penulis menghuraikan pula berkenaan agama dan kepelbagaian dalam kehidupan bersama daripada dimensi sosial. Jelas dalam aspek ini, masyarakat berbilang agama berkongsi nilai yang sama bertitik tolak daripada persamaan yang wujud iaitu setiap individu adalah manusia. Oleh itu, nilai pertama

yang dikongsi bersama adalah nilai kemanusiaan. Manusia yang terdiri daripada jasad, akal dan roh ataupun yang disebutkan dengan elemen fizikal, intelektual dan spiritual mempunyai fitrah yang sama kerana diciptakan oleh pencipta yang sama. Fitrah adalah sesuatu yang dikongsi sejak manusia dilahirkan sebagai contoh rasa ingin dihormati dan disantuni. Perasaan tersebut pasti wujud dalam setiap individu yang menyebabkan setiap individu sepatutnya dapat berperilaku sepertimana beliau ingin diperlakukan. Peranan agama adalah meletakkan tanggungjawab dan akauntibiliti kepada manusia untuk memandu nilai-nilai fitrah ini. Agama meletakkan konsep balasan agar manusia lebih terpandu dalam melaksanakan sesuatu. Setiap perbuatan baik akan mendapat balasan baik dan sebaliknya. Dengan adanya penilaian terhadap sesuatu sikap betul dan salah serta baik dan buruk, konsep tanggungjawab individu serta tanggungjawab sosial dapat diletakkan pada bahu masing-masing untuk dijaga dan dipelihara. Setiap agama pasti mengandungi falsafah kemasyarakatannya yang tersendiri yang bermula daripada keluarga. Ianya secara tidak langsung membentuk rasa hormat dan sensitiviti yang bermula pengamalannya daripada sesama ahli keluarga dan seterusnya kepada masyarakat secara umumnya. Nilai rahmah dan kasih sayang juga merupakan nilai asas yang mendasari lanskap sesebuah keluarga dan masyarakat. Atas dasar inilah, pendekatan muhibah dalam masyarakat berbilang agama seperti di Malaysia menjadi tunas kepada keharmonian kehidupan bersama. Setiap penganut agama harus mengelakkan daripada sebarang provokasi serta syak wasangka yang hanya akan melahirkan sikap-sikap negatif antara satu dengan yang lain.

Bab empat menjelaskan kesatuan pluraliti berdasarkan kepada etika keagamaan. Penulis menghuraikan prinsip-prinsip asas etika dalam setiap agama. Dalam agama Kristian dan Yahudi disebutkan berkenaan 10 wasiat dalam Bible. Seterusnya dalam ajaran Buddha disebutkan tentang 10 larangan bagi seorang penganut Buddha. Disebutkan juga berkenaan konsep Ahimsa dalam agama Jaina dan begitu juga dalam ajaran Sikh. Kesemua ajaran melarang penganutnya daripada mengambil nyawa orang lain, mencuri, berbohong dan segala perbuatan yang menyakiti orang lain. Setentunya terdapat pelbagai lagi etika-etika yang menunjukkan persamaan di antara agama. Oleh itu, pada tahap etika inilah penganut daripada pelbagai agama dapat berinteraksi dengan baik dalam mencapai matlamat keharmonian.

Seterusnya, penulis membahaskan kecelaruan pandangan masyarakat dunia terhadap kepentingan agama dalam kehidupan. Menurutny, masyarakat hari ini menuntut agar agama dapat memberikan keselesaan, kepuasan, ketenangan dan memudahkan kehidupan manusia. Pada pandangan masyarakat teologi dan doktrin yang merumitkan; agama tidak perlu bersifat dogmatik tapi harus lebih bersifat psikospiritual pada fitrahnya; agama juga pada pandangan masyarakat moden tidak boleh mempunyai terlalu banyak ritual keagamaan yang menyusahkan penganutnya. Masyarakat moden tidak melihat kerelevanan agama yang menyebabkan mereka tidak dapat menerima agama sebagai pegangan. Agama yang dianggap kolot dan ketinggalan kerana asyik membicarakan soal kematian. Cabaran utama masyarakat beragama pada hari ini adalah untuk mengarusperdanakan kembali agama sebagai panduan kehidupan manusia. Kehidupan dunia yang mereka puja pada hakikatnya hanyalah bersifat sementara. Sekiranya mereka dapat melihat kaitan yang kuat antara kehidupan dunia dan akhirat pasti mereka akan dapat merasai betapa bernilainya agama untuk menjadi panduan membawa manusia kepada keselamatan selepas mati. Nilai-nilai yang dibawa agama menjadi petunjuk bagi manusia dalam menjalani kehidupan di dunia. Tuntasnya, agama sentiasa kekal relevan dan fungsional bagi mereka yang benar-benar cuba memahami agama.

Bab enam memulakan perbincangan berkaitan inisiatif dialog antara agama dalam memahami kewujudan bersama menerusi pendekatan muhibah. Perbincangan dialog antara agama dimulai dengan perbincangan berkenaan bagaimana seseorang harus kekal komited kepada agamanya dan pada masa yang sama cuba untuk memahami agama lain. Untuk memahami agama lain, seorang Muslim harus faham terlebih dahulu akan agamanya. Hanya apabila kita yakin dengan agama sendiri, kajian terhadap agama lain tidak akan menyebabkan kekeliruan serta keraguan terhadap agama sendiri. Sebagai pengkaji agama, apa yang perlu difahami secara tuntas berkenaan dengan agama lain adalah esen (essence) terhadap agama tersebut; apakah yang menjadi prinsip utama dalam memahami ajaran tersebut. Kerana setiap agama membawa fokus yang berbeza-beza. Sebagai contoh, terdapat agama yang fokus kepada konsep ketuhanan seperti Islam, Kristianiti dan Yahudi. Namun tidak begitu bagi ajaran Konfusius dan Buddha; kedua-duanya lebih menekankan hal-hal berkenaan etika dan moral. Setelah mengetahui elemen yang menjadi dasar kepada sesebuah agama, penulis menekankan pendekatan yang perlu digunapakai. Antara pendekatan penting adalah mengkaji dengan sikap objektif. Apa yang menarik, sikap objektif yang digunakan oleh Barat dan difahami di Barat menolak sikap komited terhadap agama sehingga menyebabkan pengkaji agama lazimnya harus bersifat neutral. Neutral menurut Barat meletakkan pengkaji tidak terikat dengan mana-mana agama apabila mengkaji tentang agama lain. Ini bermaksud seorang pengkaji harus menanggalkan agama dan kepercayaannya; menjadi seorang ateis ketika membaca tentang agama lain. Keadaan ini adalah mustahil bagi pengkaji yang berpegang kepada agama. Yang demikian, bersifat objektif tidak semestinya harus bersifat neutral dan mengeneipikan *truth claim* dalam usaha toleransi dengan agama lain. Ini kerana setiap agama mempunyai asas kefahaman dogma masing-masing yang tidak boleh diubah mengikut kepentingan peribadi. Untuk menjadi objektif seperti yang dilakukan oleh pengkaji akademik tidak semestinya menuntut seseorang untuk menanggalkan pegangan agamanya. Objektiviti boleh dicapai menerusi membincangkan agama lain menurut apa yang mereka percaya dan bukanlah dengan meletakkan klaim-klaim yang tidak berasas terhadap agama lain. Bertitik tolak daripada premis memahami dan bahawa agama adalah unik dan berbeza barulah seorang pengkaji dapat menerima kenyataan bahawa objektiviti boleh dilakukan tanpa meletakkan pengkaji agama dalam mod neutral.

Bab ketujuh membahaskan berkenaan paradigma dialog antara agama. Perlu difahami bahawa terdapat dua pendekatan antara agama iaitu dialog dan juga dalam bentuk muamalah. Dialog antara agama boleh dilakukan dalam kalangan ahli-ahli agama. Ianya memerlukan perbincangan ilmiah berkenaan isu-isu agama dari aspek doktrin, amalan dan sebagainya yang memerlukan kepakaran ahli agama. Dialog penting untuk dilakukan agar setiap agama dapat memahami agama lain dengan lebih rencam. Selain itu, dialog juga adalah untuk mencari titik persamaan dan bersedia untuk menerima sebarang perbezaan yang terdapat dalam agama-agama. Adapun muamalah atau urusan yang berlaku di antara penganut agama boleh berlaku dalam kalangan masyarakat awam kerana yang menjadi dasarnya adalah nilai-nilai etika yang dikongsi sama oleh manusia. Inisiatif yang dilakukan antara agama pada masanya berlaku kekangan. Antara kekangan yang berlaku di Malaysia adalah, pertukaran agama, hilang kepercayaan kepada agama, sikap defensif, kerisauan dimalukan dalam sesi dialog, perasaan rendah diri takut dijatuhkan oleh hujah agama lain, takut dianggap serong oleh masyarakat agama sendiri apabila dilihat berdialog dengan penganut agama lain dan sebagainya.

Dalam melaksanakan dialog antara agama, pertama sekali ahli dialog harus berasa selesa dan selamat. Dialog ini haruslah didasarkan dengan rasa hormat tanpa menyebabkan ahli dialog terasa agamanya terancam. Dialog antara agama tidak boleh menyebabkan agama diubah mengikut kerelevanan semasa. Dengan erti lain, ahli dialog harus bersetuju tentang aspek-aspek yang tidak boleh dikrompomi dalam agama masing-masing dan bersetuju untuk berbeza pendapat di antara satu sama lain. Setiap ahli dialog harus bersetuju setiap agama adalah unik dan berbeza terutamanya dalam aspek kepercayaan yang menjadi dasar kepada sesebuah agama. Titik persamaan boleh dikesan daripada aspek moral yang dipersetujui oleh semua agama. Secara ringkasnya disiplin, menghormati, bersopan, mengetahui sensitiviti agama lain, bersabar harus menjadi dasar amalan ahli dialog antara agama. pengamal dialog tidak harus mempunyai perasaan *inferiority complex* mahupun *superiority complex*. Sekiranya ahli dialog mempunyai rasa *inferior* susah baginya untuk berdialog adapun orang yang mempunyai *superiority* menyebabkannya sentiasa ingin menang dan tiada apa yang boleh dipelajari daripada orang tersebut.

Bab kelapan membahaskan tentang respon dialog antara agama terhadap krisis kemanusiaan. Penulis menyatakan pendapat hasil daripada observasinya yang mendapati masyarakat moden pada hari ini mengalami ketidakseimbangan daripada aspek fizikal, intelektual dan spiritual. Perkembangan moden pada zaman milenia ini menyebabkan manusia hanya fokus terhadap membangunkan aspek fizikal dan intelek hingga menyebabkan aspek spiritual diabaikan. Ketidakseimbangan ini menyebabkan manusia hilang matlamat hidup sebenar iaitu untuk bersifat dengan sifat manusiawi sehingga menyebabkan pergeseran berlaku dalam muamalah sesama manusia. Dalam usaha menyebarkan keamanan, agama boleh memainkan peranan penting dalam menghubungkan kembali manusia atas dasar agama. Politik dan undang-undang hanya boleh menyelesaikan dimensi kehidupan inter-personal manusia namun agama berperanan lebih besar menyelesaikan dimensi intra-personal. Dengan menyelesaikan masalah intra-personal terlebih dahulu yang didasarkan kepada agama, barulah dimensi inter-personal dalam konteks masyarakat yang lebih umum dapat diselesaikan. Justeru, pendekatan dialog antara agama secara tidak langsung membuka minda penganut agama untuk melihat merentasi agama lain yang juga menekankan konsep keamanan dalam agama mereka. Topik perbincangan dialog antara agama perlu dipelbagaikan terutamanya dalam membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat seperti isu homoseksual, dadah dan lain-lain. Majoriti agama menolak fenomena homoseksual namun terdapat juga ajaran yang lebih bersifat fleksibel terhadap konteks dan zaman. Oleh yang demikian, dialog antara agama harus dimobilisasi menjadi inisiatif kepada kesejahteraan masyarakat.

Dalam bab sembilan penulis membincangkan bagaimana dialog antara agama menjadi mekanisme penting dalam mempromosikan keharmonian dan kesejahteraan. Kelebihan yang wujud pada agama ianya mampu merentasi semua aspek samada dari sudut politik, budaya, bahasa, negara dan lain-lain. Ketua agama lazimnya dihormati dan mendapat sokongan daripada semua lapisan masyarakat. Bicara agama dapat diterima secara universal berbanding dengan bicara politik sebagai contoh. Hal ini menunjukkan bagaimana agama dan dialog antara agama dapat menyatukan umat manusia dan mewujudkan keharmonian antara agama.

Bab sepuluh menghuraikan peranan nilai-nilai agama dalam menggariskan keadilan dan keharmonian global. Isu yang menjadi tunjang dalam permasalahan keadilan ini adalah berkenaan tanggungjawab dan akauntabiliti manusia yang semakin diketepikan. Apabila agama menyentuh tentang kematian pada hakikatnya ia menyentuh berkenaan kehidupan dunia kerana kebertanggungjawaban manusia di dunia akan memberikan manfaat baginya

pada kehidupan selepas mati. Masalah utama individu yang tidak bertanggungjawab ini adalah kerana kepupusan rasa keimanan terhadap kehidupan setelah mati yang menyebabkan dia terlupa akan tanggungjawabnya di dunia. Setiap manusia mempunyai hubungan dengan setiap kewujudan yang ada di bumi. Hubungan yang luas ini membentuk satu *superstructure* yang sentiasa di bawah pantauan dan pemerhatian Tuhan yang mencipta segala sesuatu yang wujud. Oleh itu, apabila tanggungjawab individu tidak dapat dilaksanakan dengan baik, ia akan memberi kesan kepada seluruh *superstructure* iaitu segala kewujudan di bumi. Sekiranya seseorang tidak menjalankan tanggungjawabnya terhadap keluarga, maka masyarakat terpaksa menderita sama atas pengabaian satu individu kerana kesannya akan melibatkan masyarakat secara umum. Dalam memastikan dimensi interpersonal dapat diselesaikan, keadilan daripada sudut intrapersonal harus diselesaikan terlebih dahulu. Masalah intrapersonal seharusnya diselesaikan pada tahap individu di mana setiap individu harus memahami apakah keperluannya iaitu keperluan yang bersifat holistik termasuk di dalamnya aspek spiritual yang seringkali dilupakan. Dengan memenuhi keperluan setiap aspek individu, barulah keadilan dapat dicapai sepertimana definisi keadilan itu sendiri ialah untuk meletakkan sesuatu pada tempatnya. Oleh yang demikian, dalam memastikan prinsip-prinsip keadilan dapat dicapai dalam memastikan keharmonian global, penekanan dan pemerksaan individu haruslah ditingkatkan agar kesedaran terhadap tanggungjawab setiap individu dapat dipenuhi dan dimaksimumkan.

Dalam bahagian seterusnya, penulis menekankan aspek kewujudan bersama antara agama-agama. Bab ini mengulas kewujudan ajaran Islam dan Buddha dari aspek kepercayaan dan moral. Jika dilihat dari sudut kepercayaan, jelas perbezaan di antara kedua agama terutama dalam memahami konsep ketuhanan dan kehidupan selepas mati. Ajaran Buddha tidak menuntut untuk menyembah Tuhan dan mereka mempercayai konsep kelahiran semula berbanding dengan Islam yang menekankan konsep ketuhanan sebagai asas kefahaman akidah dan mempercayai kebangkitan selepas kematian. Adapun daripada aspek moral, persamaan di antara keduanya dapat dizahirkan menerusi nilai-nilai yang ditekankan. Selain itu dalam memahami manusia menurut Islam, manusia terdiri daripada aspek jasad, akal dan roh. Adapun menurut ajaran Buddha, manusia terdiri daripada jasad, persepsi, persasaan, *instinct* dan kesedaran. Ringkasnya, kedua-dua ajaran ini menjadi contoh bagaimana dua agama yang berbeza pada dasar kepercayaannya dapat meraikan kehidupan beragama menerusi persamaan nilai yang terdapat dalam kedua-dua ajaran.

Bab seterusnya menyentap pembaca dengan persoalan-persoalan moral yang timbul pada hari ini. Penulis menggambarkan bagaimana manusia tidak lagi menghiraukan aspek spiritual sehingga manusia tidak mampu mengawal diri daripada melakukan kerosakan bukan pada orang lain bahkan kepada diri sendiri dengan pengambilan dadah dan sebagainya. Kes pembuangan bayi juga turut mendapat perhatian penulis seolah-olah agama tidak wujud lagi. Penulis mendapati agama dan nilai-nilainya hanyalah dianggap sebagai satu disiplin ilmu yang menghukum salah dan betul, baik dan buruk. Sedangkan agama juga pada hakikatnya berperanan sebagai penawar dalam pembinaan masyarakat. Penulis melihat kegagalan ini adalah disebabkan ketidakberkesanan para ahli agama dalam mempromosikan agama sebagai satu jawapan praktikal terhadap masalah-masalah dunia.

Dalam bab berikutnya, penulis menghuraikan isu sejagat yang lebih kritikal. Isu keadilan dan keharmonian dan tanggungjawab sosial. Penulis melihat tanggungjawab sosial sebagai sesuatu yang sama penting dengan tanggungjawab individu. Dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dalam masyarakat plural, setiap penganut agama harus memahami

sejarah hubungan antara agama walaupun sejarah tersebut tidak begitu indah. Ini kerana, apa yang berlaku pada masa lalu sudah semestinya memberi kesan kepada perhubungan antara agama pada hari ini. Sebagai contoh, perasaan benci dan dendam hasil daripada perbahalan antara agama pada zaman dahulu menyebabkan kedua-dua agama tidak dapat berbaik. Oleh itu, masyarakat pada hari ini tidak seharusnya meneruskan dendam kerana apa yang berlaku pada masa lampau adalah tanggungjawab orang terdahulu. Apa yang penting adalah memastikan hubungan antara agama masa kini dipelihara dengan baik bagi keamanan sejagat.

Dua bab terakhir secara ringkas menyebutkan bagaimana keharmonian dan keamanan merupakan dua agenda utama masyarakat beragama. Dalam melestatikan keharmonian dalam kewujudan bersama, setiap individu harus memahami konsep *superstructure*, persamaan nilai-nilai sejagat, keharmonian interpersonal dan intrapersonal, meraikan persamaan dan mengurus perbezaan, berbaik dengan penganut agama lain tanpa mengkompromi kepercayaan sendiri. Adapun dalam merealisasikan keamanan penulis menekankan peranan agama dan ahli agama dalam mempromosikan keamanan sejagat. Antara faktor ketidakamanan pada hari ini adalah manusia tidak lagi mengetahui matlamatnya menjadi manusia dan kaedah yang betul untuk menjadi manusia yang baik. Kegagalan mengetahui konsep asas ini menyebabkan ketidakseimbangan dan seterusnya merosakkan entiti dirinya serta masyarakat. Faktor kepada ketidakseimbangan ini setentunya lahir daripada keegoan manusia untuk mengikuti nilai-nilai asas seperti yang digariskan dalam agama masing-masing. Semua pendidikan agama memberi fokus kepada melahirkan manusia yang baik berbanding melahirkan rakyat yang baik untuk negara. Ini kerana, insan yang baik sudah tentu akan menjadi rakyat yang baik dan ahli keluarga yang baik. Sebaliknya, rakyat yang baik tidak semestinya menjadikan seseorang sebagai bapa yang baik sebagai contoh. Hal ini memperlihatkan bagaimana konsep kemanusiaan melatari setiap pegangan agama, melindungi mereka yang dizalimi dan mengutuk sebarang kekerasan sehingga pegangan yang menyatakan, 'Santunilah orang lain sepertimana kamu ingin disantuni' menjadi *golden rule* kepada masyarakat beragama secara umumnya.

Secara keseluruhan, prinsip muhibah yang dibawa oleh penulis dalam buku ini adalah untuk memperlihatkan bagaimana dialog dan hubungan antara agama bukan sahaja berlaku sebagai satu disiplin yang statik tertakluk kepada perbahasan teks dan teologi semata-mata dalam mencari titik kebenaran. Realitinya, peranan serta matlamat dialog dan hubungan antara agama merentasi semua disiplin ilmu terutamanya dalam melestarikan keamanan dan keharmonian umat beragama sejajar dengan prinsip-prinsip muhibah yang diketengahkan dalam buku ini. Krisis dunia bermula apabila manusia mula meninggalkan agama akibat daripada terlalu mengejar dunia sehingga menyebabkan agama tidak lagi memberi nilai tambah pada pandangan manusia. Oleh itu dalam buku ini, penulis memulakan perbincangan dengan membahaskan asas-asas agama yang menyatukan umat manusia iaitu menerusi nilai-nilai moral. Penekanan terhadap persamaan di antara agama-agama tidak menafikan bahawa penganut agama masih perlu sedar akan perbezaan yang wujud di antara agama yang tidak boleh dikompromi khususnya dalam bab kepercayaan. Kepercayaan inilah yang membentuk agama dan membuatkan sebuah agama unik dan berbeza daripada agama lain. Satu perkara yang harus diberi penekanan juga dalam dialog antara agama adalah pendekatan yang bersifat objektif tidak semestinya bersifat neutral. Hasilnya, dialog antara ahli agama haruslah dijalankan dengan penuh rasa hormat dan selesa tanpa ada rasa *inferiority* mahupun *superiority*. Dengan inisiatif-inisiatif yang dilakukan oleh aktivis agama, diharapkan dapat mempermudah lagi promosi keamanan dan kesejahteraan masyarakat dunia. Tuntasnya, kesengsaraan yang wujud pada hari ini bukanlah menunjukkan kemenangan kekejaman ke

atas kebaikan namun ianya adalah lebih kerana kegagalan kebaikan untuk dipasakkan dalam masyarakat hari ini. Oleh itu, setiap daripada kita mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk menjadi agen keharmonian dan kesejahteraan yang pada hakikatnya bermula daripada diri sendiri.

**Dr. Nurhanisah Binte Senin**

Jabatan Dakwah Usuluddin

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor